



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

PRODUK BERASASKAN SARANG BURUNG PREMIUM BERNILAI RM25 JUTA SETAHUN BAKAL DIKELUARKAN OLEH PUSAT BIOTEKNOLOGI GLYKEN DI JOHOR

ISKANDAR PUTERI, 29 JUN 2024 – Yang Berhormat Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini merasmikan kemudahan bioteknologi baru syarikat Glyken International Berhad (Glyken) di Iskandar Puteri. Pembukaan dan perasmian pusat ini akan menjadikan Negeri Johor bakal penyumbang utama kepada pertumbuhan industri sarang burung walet di Malaysia.

Menurut YB Chang Lih Kang, kemudahan canggih sebesar 29,220 kaki persegi itu berjaya dibangunkan hasil daripada sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) iaitu Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) melalui khidmat nasihat teknikal, sokongan pembiayaan dan infrastruktur.

“Melalui pusat bersepadu yang bernilai RM6.6 juta ini, Glyken dapat menjalankan penyelidikan berterusan di samping menyepakati teknologi Industri Revolusi 4.0 (IR 4.0) dengan aplikasi bioteknologi dalam proses pembuatan. Dengan ini, Glyken mampu menghasilkan sekurang-kurangnya 10 jenis produk berasaskan sarang burung walet dianggarkan bernilai sejumlah RM 25 juta setahun. Ini seterusnya akan menyokong pertumbuhan industri ini ke arah mencapai sasaran pasaran eksport sebanyak 350,000 kilogram yang bernilai RM2.8 bilion menjelang tahun 2030,” tambah YB Menteri.

Dalam majlis itu, Glyken juga telah melancarkan platform pemasaran berdasarkan kod QR untuk mikro-keusahawanan yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian produk Glyken kepada pelanggan serta melahirkan usahawan pada pelbagai peringkat dengan sokongan teknikal dan jualan daripada pasukan pemasaran Glyken.

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, YBrs. En Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak berkata bahawa platform mikro-keusahawanan itu dijangka akan menarik sekurang-kurangnya 500,000 pengguna menjelang akhir tahun 2024 yang menggalakkan lebih ramai individu untuk menyertai arena keusahawanan dalam industri bioteknologi secara digital. "Selain itu, penubuhan pusat bersepadu Glyken juga mencipta peluang pekerjaan baru, terutamanya pekerja berkemahiran tinggi dan separa mahir dalam kalangan rakyat Johor. Pusat Glyken ini dijangka akan mencipta peluang pekerjaan untuk sekurang-kurangnya 500 pekerja dalam tempoh 10 tahun, yang dapat merancakkan industri sarang burung walet di Johor di samping meningkatkan keupayaan industri bioteknologi negara," tambah beliau.

Ketua Pegawai Eksekutif Glyken, En Erik Shak berkata, "Sokongan daripada pihak MOSTI dan Bioeconomy Corporation telah memainkan peranan penting dalam pertumbuhan Glyken International, terutamanya dalam pembangunan produk dan pendedahannya melalui pelbagai platform tempatan dan antarabangsa. Sokongan ini bukan hanya memberi manfaat kepada Glyken, tetapi juga akan membawa industri sarang burung Malaysia menuju pendekatan 'deeptech'."

Melalui bantuan dan kerjasama yang diberikan oleh Bioeconomy Corporation, Glyken telah berjaya memajukan keupayaan R&D dan pengkomersialan melalui anak syarikat mereka iaitu Glyken Bio-Products Sdn Bhd. Glyken Bio-Products dianugerahkan status BioNexus oleh Bioeconomy Corporation, di mana syarikat itu diberikan sokongan dan insentif-insentif khas seperti kemudahan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan, dan Inovasi (R,D,C&I) sehingga Glyken dapat membangunkan produk-produk baru menggunakan ekstrak peptida glikonanoprotein daripada sarang burung walet dan seterusnya menubuhkan pusat bersepadu baru ini.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

29 JUN 2024



Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berdasarkan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berdasarkan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berdasarkan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berdasarkan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Mengenai Glyken International Berhad

Glyken International Berhad di SILC Johor menggunakan sarang burung walet dari ladangnya sendiri di Biodesaru untuk menghasilkan ekstrak glikonanoprotein melalui proses bioteknologi di fasiliti patuh-GMP. Ekstrak ini melalui penyelidikan yang meluas untuk meningkatkan keberkesanan dan penyerapan dalam badan manusia dan memberi manfaat optimum kepada pengguna.

Antara anak-anak syarikat di bawah Glyken International Berhad termasuklah Glyken Bioproducts Sdn Bhd, iaitu syarikat berstatus BioNexus yang melaksanakan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan produk bioteknologi berasaskan sarang burung walet. GLK Birdnest adalah syarikat yang memasarkan pelbagai produk sarang burung walet, manakala Glyken Swiftlet merupakan syarikat hiliran yang mengendalikan pengeluaran sarang burung walet mentah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.glyken.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff
Eksekutif,
Komunikasi Strategik
Malaysian Bioeconomy Development Corporation
Tel: +6012 690 6108
Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my